

KESAN DRAMA HIBUR-DIDIK DAN DOKUMENTARI DALAM MEMPENGARUHI NIAT UNTUK MENDERMA ORGAN: SATU EKSPERIMEN BERTERASKAN MODEL ELABORATION LIKELIHOOD

SURAINI GHAZALI, HASRINA MUSTAFA &
BAHIYAH OMAR
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan drama hiburan-didik dan dokumentari dalam mempengaruhi niat penonton untuk menderma organ dengan menilai proses pemujukan yang berlaku. Model Elaboration Likelihood yang dibangunkan oleh Petty dan Cacioppo (1986) digunakan dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan kaedah eksperimen berbentuk pra, pasca dan susulan (selepas satu bulan). Seramai 164 orang peserta terlibat dalam kajian ini dan mereka dibahagikan secara rawak kepada dua kumpulan iaitu kumpulan yang menonton video berbentuk hiburan didik dan kumpulan yang menonton video berbentuk dokumentari. Analisis statistik yang digunakan dalam kajian ini ialah Kolerasi *Pearson r*, *Partial Correlation*, *Multiple Regression* dan *One Way Repeated Measure ANOVA* diikuti dengan *Ujian Post-Hoc*. Hasil kajian menyokong Model Elaboration Likelihood di mana proses pemujukan dalam kumpulan hiburan didik adalah berbentuk peripheral (tidak dipengaruhi oleh faktor perantara iaitu pertikaian dan tindak balas) manakala proses pemujukan dalam kumpulan dokumentari adalah berbentuk central (dipengaruhi oleh faktor perantara iaitu pertikaian dan tindak balas). Kajian juga menunjukkan bahawa kumpulan dokumentari lebih terdorong untuk menderma organ berbanding kumpulan hiburan didik. Ini secara tidak langsung menyangkal keberkesanan program hiburan-didik dalam proses pemujukan.

Kata kunci: *Model Elaboration Likelihood, eksperimen, hiburan-didik, dokumentari, pemujukan.*

THE EFFECTS OF WATCHING EDUTAINMENT AND DOCUMENTARY VIDEOS ON THE VIEWERS' INTENTION TO DONATE ORGAN: AN EXPERIMENT BASED ON THE ELABORATION LIKELIHOOD MODEL

Abstract

The study aimed to examine the differential effects of watching edutainment and documentary videos on the viewers' intention to donate organ. This study used the Elaboration Likelihood Model developed by Petty and Cacioppo (1986) to investigate the process of persuasion in both edutainment and documentary exposure conditions. Using an experimental research method, the study also explored the effect of three different times' exposures: pre, post and follow-up (after one-month) on the viewers' intention to donate organ. A total of 164 participants were recruited to participate in this study and they were randomly assigned to the two treatment groups; the edutainment video group and the documentary video group. Statistical analyses used in this study were Pearson Correlation Coefficients, Multiple Regression and One Way Repeated Measure ANOVA with Post-Hoc test. The results of the study supported the premises of the Elaboration Likelihood Model which showed that the persuasive process in the edutainment group was associated with the peripheral route (i.e: a process which was not mediated by counter arguing and reactants), while the process in the documentary group was associated with the central route (i.e: a process which was mediated by counter arguing and reactants). The study also found that participants in the documentary group were more incline towards donating their organs than those in the edutainment group which further contested on the previous claims on the effectiveness of edutainment in the process of persuasion.

Keywords: *Elaboration Likelihood Model, experiment, edutainment, documentary, persuasion.*

PENDAHULUAN

Pendermaan organ ataupun pemindahan organ bukanlah kaedah yang baru di Malaysia kerana ianya adalah satu kaedah rawatan yang telah terbukti berkesan. Pendermaan organ atau tisu ialah proses menderamkan sebahagian organ atau tisu daripada tubuh badan manusia untuk tujuan pemindahan kepada orang lain kerana kegagalan atau kerosakan organ atau tisu tersebut. Pendermaan organ di Malaysia masih berada pada tahap yang rendah berbanding dengan negara-negara lain seperti China, Amerika Syarikat dan lain-lain. Kementerian Kesihatan Malaysia telah melancarkan beberapa kempen, iklan, poster bagi menyedarkan betapa pentingnya sumbangan ikhlas rakyat Malaysia terhadap golongan yang memerlukan bantuan. Namun, sehingga kini jumlah pengikrar derma organ masih berkurangan malahan jumlah pesakit yang memerlukan organ semakin meningkat (*Berita Harian*, 29 April 2009). Terdapat faktor dalaman dan luaran yang menghalang orang ramai untuk menderma organ.

Faktor dalaman yang paling ketara ialah masalah kepercayaan. Braun dan Nichols (1997) menyatakan masalah kepercayaan paling susah dibuang. Kepercayaan sesetengah agama menyatakan bahawa pendermaan mana-mana anggota badan akan menghalang orang yang menderma itu daripada tenang selepas meninggal dunia. Selain dari faktor kepercayaan, masih ramai dalam kalangan masyarakat yang tidak mempunyai pemahaman sebenar tentang pendermaan organ malah mempunyai tanggapan buruk tentangnya sehingga menyebabkan mereka enggan menjadi penderma. Malcolm dan David (2008) pula menyatakan, antara halangan luaran dalam isu pendermaan organ adalah seperti kematian penderma yang tidak dimaklumkan keluarga dan penolakan keras daripada ahli keluarga untuk memberi kebenaran menderma. Bagi mengatasi halangan-halangan ini, media perlu memainkan peranan yang penting. Maklumat yang tepat perlu disampaikan dengan lebih menarik dan kreatif di laman sawang, *talk shows*, laporan berita ataupun cerita drama televisyen. Penyampaian mesej ini perlu dilakukan secara terus-menerus dan tidak hanya separuh jalan. Malah maklumat yang tepat mengenai pendermaan organ perlu diperbanyakkan di dalam media ataupun disampaikan secara tidak langsung melalui drama (Movius, Cody, Huang, Berkowitz dan Morgan, 2007).

Tidak dapat dinafikan bahawa penyampaian maklumat/ mesej pemujukan tentang pendermaan organ sama ada melalui drama, laporan berita, *talk show* atau iklan, adalah melibatkan proses pemujukan yang berbeza. Dalam kata lain, mesej pemujukan yang diterima oleh seseorang individu melalui drama bersiri akan diproses secara berbeza daripada mesej pemujukan yang diterima dari laporan berita. Mesej pemujukan yang disampaikan melalui drama berunsurkan hiburan didik menitikberatkan kedua-dua unsur (maklumat dan hiburan) berbanding dengan mesej daripada dokumentari yang hanya menumpukan kepada mesej berbentuk maklumat sahaja (Slater & Rouner, 2002). Seperti yang dinyatakan oleh Singhal dan Lacayo (2008), mesej hiburan didik memindahkan maklumat ke

dalam diri audien dengan cara yang berlainan daripada mesej yang disampaikan melalui mendidik sahaja.

Sehubungan itu, Owens (1987) pula menyatakan, mesej yang disampaikan daripada kandungan berbentuk dokumentari juga berkesan dalam memberi peningkatan dari segi pengetahuan kepada masyarakat walaupun tanpa melalui unsur hiburan. Fakta dan maklumat tepat banyak yang diterima oleh masyarakat akan memberi keyakinan dan kepercayaan kepada masyarakat. Malah Levine (2007), mengatakan penggunaan filem dokumentari mampu menarik audien sasaran untuk berbincang dan berdialog tentang mesej dan informasi yang dipaparkan malahan pemaparan visual yang menarik beserta informasi dalam filem dokumentari mampu mendidik masyarakat agar lebih sensitif terhadap isu-isu masyarakat seperti HIV/AIDS.

Walau bagaimanapun, keberkesanan kedua-dua pendekatan ini dalam merubah sesuatu tingkah laku sosial masih lagi diperdebatkan (Slater & Rouner, 2002). Slater dan Rouner (2002), menyarankan agar kajian perbandingan dilakukan bagi menilai proses pemujukan yang berlaku dalam kedua-dua genre tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini cuba mengkaji proses pemujukan yang berlaku di dalam drama hiburan didik dan dokumentari di kalangan pelajar di samping menilai keberkesanan dua genre tersebut dalam mengubah atau meningkatkan niat untuk menderma organ.

PERANAN MEDIA MASSA DALAM PERUBAHAN SOSIAL

Media massa di seluruh dunia sentiasa menyiarkan berbagai rancangan bertemakan kesihatan, alam sekitar, kemasyarakatan dan lain-lain bagi meningkatkan pengetahuan dan mempengaruhi sikap penonton tentang isu-isu yang ingin disampaikan (Brodie, Foehr, Rideout, Baer, Miller, Flournoy & Altman, 2001). Media massa juga dikategorikan sebagai sumber yang tepat dan strategik untuk melakukan perubahan dalam masyarakat. Media penyiaran terutamanya televisyen dilihat mempunyai kelebihan untuk menyebarkan maklumat yang banyak kepada penonton secara berkesan (Kennedy, O'Leary, Beck, Pollard & Simpson, 2004).

Jelasnya, organisasi media bertanggungjawab dalam memastikan penyebaran maklumat supaya orang awam dapat membuat keputusan yang bijaksana dalam kehidupan mereka. Media juga mampu membentuk minda dan pandangan masyarakat terhadap sesuatu isu (Sotirovic, 2003). Hal ini disebabkan oleh media massa yang berperanan sebagai pengampang atau *gate-keepers*, maka sesuatu pilihan maklumat yang disampaikan media, dilihat mampu membentuk nilai, sikap, dan tanggapan yang berbeza dalam kalangan masyarakat. Pada asasnya, penggunaan media seperti akhbar, radio, televisyen, internet berkait rapat dengan usaha membentuk perubahan di dalam diri masyarakat. Media massa memainkan peranan yang besar dalam mencorak perubahan sosial terhadap masyarakat. Ini kerana capaian media massa adalah begitu meluas. Malah mesej yang disampaikan melalui media dilihat turut berkesan dalam meningkatkan

kesedaran, mendorong kepada perubahan yang positif dan mencorak sikap audien terhadap sesuatu isu awam.

Pendekatan hiburan didik (Edutainment or E-E) dan dokumentari dalam pemujukan

Edutainment atau *Entertainment-Education* merujuk kepada strategi yang digunakan untuk membawa perubahan ke atas tingkah laku sosial seseorang (Singhal, 2008). Strategi ini melibatkan usaha merekabentuk dan menyampaikan mesej media bagi meningkatkan pengetahuan tentang isu-isu pendidikan, mengubah sikap dan membentuk tingkah laku audien. Pendekatan ini telah digunakan secara meluas dalam mengetengahkan pelbagai isu awam seperti isu perancangan keluarga, keadilan *gender*, kehamilan remaja, pencegahan dan pengawalan AIDS, isu celik huruf golongan dewasa dan sebagainya. Melalui pendekatan ini individu dapat menggambarkan melalui penceritaan, bagaimana mereka dapat menjalani kehidupan yang selamat, sihat dan bahagia melalui perubahan tingkahlaku daripada yang negatif kepada yang lebih positif (Singhal & Rogers, 1999; 2003).

Kebekesanan sesuatu rancangan terutamanya drama bercorak hiburan didik bergantung kepada beberapa faktor. Eksperimen dari Green (2004, 2006) dan Green dan Brock (2000), menyatakan lebih tinggi tahap penghayatan penonton, hasil dari penceritaan yang disampaikan dalam drama tersebut, semakin berkesan rancangan tersebut. Kebanyakan audien melaporkan mereka percaya dengan cerita yang disampaikan dan tidak peduli sama ada cerita itu dilabel sebagai cerita yang benar atau rekaan.

Keadaan ini berbeza apabila teknik pemujukan digunakan dalam rancangan yang berbentuk dokumentari dalam mengetengahkan mesej kepada masyarakat. Mesej atau informasi melalui dokumentari menumpukan kepada kandungan yang berbentuk mendidik tanpa mengandungi unsur hiburan. Owens (1987) menyatakan, sikap dan tingkah laku penonton berpotensi berubah melalui sumber maklumat dan pengetahuan yang berkaitan diri individu tersebut daripada program televisyen terutamanya yang berbentuk dokumentari. Malah tahap pengetahuan penonton juga akan semakin bertambah melalui pendekatan yang santai dan mengandungi informasi yang jelas di dalam program dokumentari.

Ashuri (2007) menyatakan tayangan atau drama berbentuk dokumentari juga ditakrifkan sebagai penceritaan dan peristiwa yang berlaku tanpa mengolah situasi sebenar. Dalam plot tayangan dokumentari juga hanya mempunyai fakta yang tepat tanpa menambah elemen-elemen yang boleh memesongkan pemikiran penonton. Justeru, penonton yang menjiwai dan mendalami kandungan genre dokumentari akan cenderung untuk melakukan perubahan dari segi tingkah laku tanpa terpengaruh dengan kempen-kempen awam. Levine (2007) turut mendapati *genre* dokumentari mampu membawa perubahan terhadap masyarakat di Afrika Selatan. Kajian beliau dilakukan dengan membuat tinjauan selepas mengadakan tayangan dokumentari mengenai langkah ke arah masa depan dalam mencegah

penularan HIV/Aid ke atas penduduk luar bandar di Afrika Selatan. Kepercayaan daripada masyarakat setempat jelas apabila mereka memberi respon di luar jangkaan untuk mengikuti langkah pencegahan seperti yang disampaikan melalui tayangan filem dokumentari tersebut.

Oleh itu, pendekatan ini membuktikan program tanpa mengandungi strategi hiburan didik daripada media turut berkesan dalam mempengaruhi perubahan tingkah laku dan niat masyarakat untuk melakukan perubahan dalam kehidupan masing-masing. Namun kebanyakan kajian menyokong strategi hiburan didik yang diterapkan di dalam drama/ rancangan televisyen memberi kesan yang lebih baik daripada rancangan yang hanya mengandungi satu unsur sahaja.

Model *Elaboration Likelihood*

Kajian ini menggunakan Model *Elaboration Likelihood* (ELM) yang dibangunkan oleh Petty dan Cacioppo (1986) dan Petty dan Wegener (1999) dalam memahami proses pemujukan yang berlaku di dalam drama berbentuk hiburan-didik dan program dokumentari yang dikaji. Berdasarkan model ini, terdapat dua jenis proses pemujukan iaitu *Central* dan *Peripheral*. Kedua-dua proses tersebut adalah berkesan untuk memujuk audien berubah sikap dan tingkahlaku, tetapi ianya berlaku dalam dua konteks/ situasi yang berbeza. Proses *Central* berlaku apabila individu berada pada tahap penglibatan kognitif yang tinggi dengan pemikiran dan pengetahuan yang tinggi mengenai sesuatu isu. Proses *Peripheral* pula berlaku apabila individu berada pada tahap penglibatan kognitif yang rendah, tahap penglibatan afektif yang tinggi dan disertai dengan tahap pemikiran dan pengetahuan yang kurang.

Booth-Butterfield dan Welbourne (2002) menyatakan dalam proses *central*, individu biasanya mempunyai tahap pengetahuan, motivasi dan minat yang tinggi terhadap sesuatu isu. Sebagai contoh, apabila seseorang itu mempunyai maklumat yang tinggi terhadap sesuatu isu seperti kepentingan penjagaan kesihatan diri, dorongan untuk individu tersebut menilai dengan terperinci mesej pemujukan yang diterima juga adalah tinggi. Proses ini dikategorikan sebagai proses *central*. Apabila individu terbabit kurang mempunyai maklumat dengan sesuatu isu tersebut serta kurang berminat terhadap isu tersebut, tahap motivasi untuk menilai dengan mendalam mesej pemujukan yang diterima semakin berkurangan. Proses pemujukan ini dikategorikan sebagai proses *peripheral*.

Sementara menurut Bryant dan Oliver (2009), proses *central* berlaku apabila mesej pemujukan melibatkan sesuatu isu yang sangat dekat atau penting kepada penerima mesej pemujukan tersebut. Apabila isu yang disampaikan itu penting kepada penerima mesej, individu tersebut akan bertindak dengan berhati-hati dalam menilai maklumat yang diperolehi. Selain itu, individu tersebut akan mengambil langkah untuk berfikir berulang kali tentang mesej pemujukan yang diterima. Proses *peripheral* pula berlaku apabila isu yang cuba disampaikan tidak penting kepada individu yang menerima mesej tersebut. Justeru, secara tidak langsung individu tersebut kurang cenderung untuk memikirkan sesuatu


mesej pemujukan yang diterima.

Berdasarkan perbincangan di atas, tidak bermakna mesej pemujukan yang disampaikan melalui proses *central* adalah lebih baik dari mesej yang disampaikan melalui proses *peripheral*. Kedua-dua proses sebenarnya berkesan dalam konteks/ situasi mereka tersendiri walaupun terdapat kajian eksperimen lalu menyatakan perubahan sikap dan tingkah laku berdasarkan *peripheral route* kurang berjaya dan tidak akan berkekalan.

ELM digunakan secara meluas dalam bidang periklanan, pemasaran juga dalam bidang komunikasi awam. Slater dan Rouner (2002) telah mengaplikasikan ELM dalam bidang komunikasi awam khususnya dalam menilai keberkesanan drama berbentuk naratif berbanding program yang berbentuk dokumentari. Hasil kajian Slater dan Rouner (2002) telah membantu menambahbaik model ELM klasik yang telah dibangunkan oleh Petty dan Cacioppo (1986) dan telah mengembang pengaplikasian teori ini dalam menilai keberkesanan pendekatan hiburan-didik. Mereka telah mengkaji kesan faktor-faktor baru yang ternyata penting dalam drama berbentuk hiburan-didik iaitu kesan faktor penglibatan diri ke dalam penceritaan, faktor penghayatan, dan faktor pengenalpastian dengan watak atau karakter yang ingin ditonjolkan terhadap keberkesanan mesej. Mereka telah menamakan model ini dengan Extension-Elaboration Likelihood Model (E-ELM). Berdasarkan E-ELM, penghayatan mengurangkan penelitian mesej kerana penonton telah dihanyutkan ke dalam penceritaan dan dengan demikian, mereka akan kurang cenderung untuk mempertikai sesuatu cerita yang dipaparkan (Green & Brock, 2000 & Slater, 2002). Dengan demikian, mesej hiburan boleh menambahkan penghayatan ke dalam sesuatu cerita dan mengurangkan tahap pertikaian serta menambahkan kesan pemujukan. Malah, penghayatan kandungan sesuatu penceritaan yang jelas juga menyakinkan individu untuk lebih memahami dan mewujudkan interaksi dengan jalan cerita tersebut (De Lisle, 2006 & Moyer-Guse, 2008). Pengenalpastian merujuk kepada proses bayangan ketika sedar yang boleh menyebabkan seseorang kehilangan kesedaran diri. Pengenalpastian juga melibatkan emosi dan proses pembelajaran apabila penonton membayangkan diri mereka sebagai watak yang terdapat dalam sesuatu penceritaan. Penonton kehilangan kesedaran diri dan berperasaan dan berpandangan seperti watak yang disampaikan dalam penceritaan (Cohen, 2001). Menurut Wollheim (1974) di dalam kajian Cohen (2001), pengenalpastian memerlukan individu itu membayangi diri orang lain dan berkelakuan seperti orang lain. Menurut Cohen (2001) dan Hefner, Klimmt dan Vorderer (2007), pengenalpastian watak dan menghayati elemen penceritaan yang baik oleh audien akan meningkatkan niat atau keinginan mereka untuk bertindak seperti watak yang dilihat di dalam sesuatu drama tersebut.

Pertikaian merujuk kepada pemikiran yang mempertikai sesuatu isu yang dirasakan tidak konsisten (Slater & Rouner, 2002). Slater dan Rouner (1997) menyatakan mereka menegaskan bahawa pada asasnya keasyikkan di dalam penceritaan dan pertikaian tidak selaras. Namun, mesej yang disampaikan

daripada penceritaan berkeupayaan untuk mengurangkan pertikaian berbanding dengan strategi pemujukan yang lain. Ini kerana melalui penceritaan, penghayatan diri ke dalam drama tersebut, akan mengurangkan pertikaian tentang mesej yang disampaikan (Green & Brock, 2000). Sementara tindak balas pula adalah salah satu daripada elemen yang mengurangkan penglibatan karakter audien di dalam proses pemujukan. Terdapat dua komponen penting dalam faktor ini iaitu komponen Kognitif dan Afektif. Komponen kognitif merujuk kepada satu tindak balas di mana audien terpaksa berfikir untuk memahami kandungan drama, manakala komponen afektif merujuk kepada tindak balas emosi seperti berasa marah, sedih, cemas dan lain-lain (Dillard & Shen, 2005). Di dalam teori psikologi tindak balas, tindak balas atau *reactance* merujuk kepada sesuatu yang negatif, bukan positif. Justeru itu, faktor tindak balas akan mengurangkan keberkesanan mesej pemujukan. Menurut Dillard dan Shen (2005) dan Moyer-Guse dan Nabi (2010), tindak balas yang tinggi sama ada kognitif atau afektif oleh audien akan merendahkan tahap niat atau keinginan mereka untuk cenderung ke arah perubahan tingkah laku. Sementara tindak balas yang rendah pula akan meningkatkan niat atau keinginan penonton tersebut untuk mengubah tingkah laku.



Rajah 1 : Kerangka konsep proses pemujukan

Kerangka konsep dalam kajian ini diadaptasi daripada kajian yang dilakukan oleh Moyer-Guse dan Nabi (2010). Namun kajian ini hanya menumpukan kepada faktor asas daripada proses pemujukan (pecahan ELM klasik) iaitu penghayatan dan pengenalpastian kerana kedua-dua faktor tersebut adalah faktor utama di mana sesuatu proses pemujukan berkembang. Kajian ini juga hanya memberi fokus kepada dua perantara iaitu pertikaian dan tindak balas yang menjadi halangan untuk meningkatkan perubahan niat.

Pernyataan hipotesis

Berdasarkan kepada sorotan literatur dan rangka kerja konsep yang telah dijelaskan, maka hipotesis yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut:

- H 1 (a) Terdapat hubungan negatif yang signifikan di antara penghayatan dan pertikaian di dalam kumpulan Hibur-Didik berbanding Dokumentari
(b) Terdapat hubungan negatif yang signifikan di antara penghayatan dan tindak balas di dalam kumpulan Hibur-Didik berbanding Dokumentari
- H2 (a) Terdapat hubungan negatif yang signifikan di antara pengenalpastian dan pertikaian di dalam kumpulan Hibur-Didik berbanding Dokumentari
(b) Terdapat hubungan negatif yang signifikan di antara pengenalpastian dan tindak balas di dalam kumpulan Hibur-Didik berbanding Dokumentari
- H3 (a) Terdapat hubungan negatif yang signifikan di antara pertikaian dan niat di dalam kumpulan Hibur-Didik berbanding Dokumentari
(b) Terdapat hubungan negatif yang signifikan di antara tindak balas dan niat di dalam kumpulan Hibur-Didik berbanding Dokumentari
- H4 (a) Terdapat hubungan positif yang signifikan di antara penghayatan dan niat untuk menderma organ di dalam kumpulan Hibur-Didik berbanding Dokumentari
(b) Terdapat kesan faktor pertikaian dan tindak balas terhadap hubungan di antara penghayatan dan niat di dalam kumpulan Hibur-Didik berbanding Dokumentari
- H5 (a) Terdapat hubungan positif yang signifikan di antara pengenalpastian dan niat untuk menderma organ di dalam kumpulan Hibur-Didik berbanding Dokumentari
(b) Terdapat kesan faktor pertikaian dan tindak balas terhadap hubungan antara pengenalpastian dan niat di dalam kumpulan Hibur-Didik berbanding Dokumentari
- H6 (a) Terdapat perubahan dari segi niat untuk menderma organ mengikut masa 1 (sebelum), masa 2 (selepas) dan masa 3 (susulan) di dalam kumpulan Hibur-Didik berbanding Dokumentari

KAEDAH KAJIAN

Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah eksperimen. Eksperimen yang dijalankan di dalam kajian ini melibatkan dua kumpulan kajian. Peserta eksperimen dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan

yang menonton drama berunsurkan Hibur- Didik dan kumpulan yang menonton Dokumentari. Seperti yang dinyatakan dalam Keyton (2006; 143), dalam kajian eksperimen yang melihat perbezaan di antara dua kumpulan atau lebih, prinsip yang perlu diambil kira adalah setiap individu dalam setiap kumpulan adalah sama atau homegenous sebelum rawatan diberikan sama ada dari segi tahap pendidikan, pengetahuan, tahap SES dan lain-lain. Ini bagi memastikan apa-apa perbezaan yang wujud selepas rawatan diberikan, adalah disebabkan pemberian rawatan itu sahaja, bukan disebabkan oleh perbezaan latar demografik peserta. Untuk mencapai persamaan tersebut, setiap peserta perlu dipilih secara rawak di mana setiap peserta mempunyai peluang yang sama untuk ditempatkan di dalam mana-mana kumpulan. Eksperimen ini dijalankan mengikut tiga peringkat iaitu *Pra Eksperimen* dilakukan bagi mengetahui niat atau keinginan peserta-peserta untuk menderma organ. *Pasca Eksperimen* dilakukan setelah pelajar-pelajar menonton video hiburan didik dan dokumentari tentang pendermaan organ. *Susulan Eksperimen* pula dilakukan sebulan selepas pelajar-pelajar menonton video sama ada hiburan didik dan dokumentari mengenai isu pendermaan organ.

Peserta eksperimen ini terdiri daripada 164 orang mahasiswa USM daripada Pusat Pengajian Komunikasi yang berumur antara 19 hingga 25 tahun. Kesemua peserta kajian dibahagikan secara rawak kepada dua kumpulan iaitu 82 orang untuk kumpulan Hibur-Didik yang menonton drama berbentuk hiburan-didik tentang pendermaan organ dan 82 orang lagi untuk kumpulan Dokumentari yang menonton video berbentuk dokumentari tentang isu yang sama. Bagi memperoleh peserta kajian, hebahan dilakukan oleh penyelidik sendiri semasa lawatan ke beberapa kelas pelajar-pelajar tahun satu hingga tahun tiga dengan kerjasama pensyarah-pensyarah berkaitan. Dalam lawatan ini, penyelidik memberikan sedikit taklimat tentang eksperimen yang bakal dijalankan dan borang persetujuan untuk menjadi peserta kajian eksperimen diedarkan. Pelajar yang berminat untuk menjadi peserta eksperimen, diminta mengisi borang tersebut dan selepas 15 minit, borang tersebut dikutip semula oleh penyelidik. Kesemua peserta eksperimen menerima sedikit ganjaran berbentuk wang tunai sebaik sahaja tamat sesi ketiga. Kajian yang melibatkan 164 orang responden terdiri daripada pelajar-pelajar di Universiti Sains Malaysia (USM) ini dipilih berdasarkan formula yang diperkenalkan oleh Tabachnick dan Fidell (2007). Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen dalam kajian ini. Jenis soalan-soalan dalam kajian ini adalah berbentuk tertutup (close ended question). Dalam kajian ini, dua bahasa digunakan di dalam borang soal selidik ini iaitu bahasa Malaysia dan Inggeris. Tujuan menggunakan dwibahasa dalam kertas soal selidik adalah bagi memudahkan proses pemahaman soalan kajian dalam kalangan peserta kajian.

HASIL KAJIAN

Ujian Kolerasi Pearson r digunakan dalam kajian ini bagi melihat perhubungan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah. Analisis *partial correlation* digunakan

untuk melihat kesan pemboleh ubah perantara. Sementara *One Way Repeated Measure ANOVA* dengan Ujian *Post-hoc* digunakan untuk mengenalpasti perubahan dari segi niat serta perbezaan yang terdapat di dalam setiap masa pertama, kedua dan ketiga yang dilakukan dalam kajian ini. Seterusnya analisa *Multiple Regression* dijalankan bagi membandingkan faktor-faktor penyumbang kepada niat untuk menderma organ bagi kumpulan hibur didik dan dokumentari.

Hubungan di antara faktor-faktor proses pemujukan di dalam kumpulan Hibur Didik dan Dokumentari

Jadual 1 : Kolerasi antara pembolehubah-pembolehubah

	<i>r</i>	(p)
Hubungan di antara pembolehubah	Kumpulan Kumpulan	Hibur Didik Dokumentari
Penghayatan - Pertikaian	$r = -.188$ * (.045)	$r = -.332$ * (.001)
Penghayatan - Tindak balas	$r = -.338$ ** (.004)	$r = -.490$ ** (.000)
Pengenalpastian - Pertikaian	$r = .026$ (.410)	$r = -.281$ ** (.005)
Pengenalpastian - Tindak balas	$r = -.422$ ** (.000)	$r = -.563$ ** (.000)
Pertikaian - Niat	$r = -.079$ (.241)	$r = -.008$ (.472)
Tindak balas - Niat	$r = -.057$ (.306)	$r = -.351$ ** (.001)

Signifikan pada aras * $p < .05$ (1-tailed), ** $p < .001$

Jadual 1 menunjukkan hasil kajian bagi Kumpulan Hibur Didik yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara penghayatan dan pertikaian. Kajian ini meramalkan penghayatan terhadap cerita akan mendorong nilai pertikaian iaitu nilai korelasi adalah negatif. Nilai yang diperolehi menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan ($r = -.188, p = .045$). Hasil dapatan yang diperolehi menyokong kajian ini. Kumpulan Dokumentari pula menunjukkan keputusan di mana terdapatnya hubungan negatif yang signifikan di antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut ($r = -.332, p = .001$).

Seterusnya, analisis dilakukan bagi Kumpulan Hibur Didik menunjukkan hubungan yang signifikan di antara penghayatan dan tindak balas ($r = -.338, p = .004$). Nilai perhubungan berada pada tahap yang rendah. Data yang diperolehi menunjukkan penghayatan yang serius daripada penonton mendorong tahap tindak balas rendah. Seperti yang dinyatakan oleh Gravetter dan Forzano (2006), apabila perhubungan penghayatan tinggi, semakin rendah tindak balas. Bagi Kumpulan Dokumentari pula, Jadual 1 menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan ($r = -.490, p = .000$) di antara penghayatan dan tindak balas di dalam kumpulan ini. Nilai korelasi hampir dengan tahap perhubungan yang sederhana.

Hasil kajian seterusnya menunjukkan hubungan di antara pengenalpastian

dan pertikaian berada pada tahap kolerasi sangat rendah bagi Kumpulan Hibur Didik ($r = .026$, $p = .410$). Nilai signifikan juga tidak menunjukkan terdapat perhubungan. Hasil analisis tidak dapat menyokong hasil kajian ini. Kumpulan Dokumentari pula menunjukkan hubungan yang signifikan di antara kedua-dua pemboleh ubah ini iaitu dengan nilai ($r = -.281$, $p = .005$). Perhubungan yang negatif tersebut menunjukkan bahawa semakin tinggi pengenalpastian watak semakin rendah tahap pertikaian penonton terhadap kandungan tayangan. Pengenalpastian yang jelas juga mendorong penonton kehilangan identiti dan menjiwai watak orang lain. Oleh yang demikian, hasil dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang negatif di antara kedua-dua pemboleh ubah ini.

Bagi hubungan di antara pengenalpastian dan tindak balas bagi Kumpulan Hibur Didik dengan nilai ($r = -.422$, $p = .000$) telah menunjukkan perhubungan yang signifikan. Keputusan yang diperolehi menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan di antara pengenalpastian dan tindak balas yang terdiri daripada elemen kognitif dan afektif. Kumpulan Dokumentari pula, dapatan analisis mencatat nilai perhubungan yang sederhana ($r = -.563$, $p = .000$). Keputusan ini selaras dengan ramalan yang dibuat iaitu terdapat hubungan negatif yang signifikan di antara pengenalpastian dan tindakbalas di dalam kumpulan ini. Hasil analisis ini juga menunjukkan nilai kedua-dua kumpulan kajian menyokong kajian ini.

Seterusnya, kajian ini menunjukkan ramalan terdapat hubungan di antara pertikaian dan niat dengan mengandaikan bahawa semakin tinggi tahap pertikaian semakin rendah tahap niat untuk menderma. Perhubungan bagi Kumpulan Hibur Didik berada pada tahap yang sangat rendah ($r = -.079$, $p = .241$) dan tidak terdapat hubungan negatif yang signifikan. Kumpulan Dokumentari pula turut mencatat nilai rendah ($r = -.008$, $p = .472$). Keputusan ini menunjukkan tidak terdapat hubungan negatif yang signifikan di antara pertikaian dan niat untuk menderma walaupun nilai korelasi adalah negatif.

Bagi hubungan di antara tindak balas dengan niat tidak menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan bagi Kumpulan Hibur Didik ($r = -.057$, $p = .306$). Hasil kajian dilihat tidak menyokong ramalan ini. Bagi Kumpulan Dokumentari pula menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan di antara tindak balas dan niat di dalam kumpulan Dokumentari ($r = -.351$, $p = .001$). Semakin tinggi tahap tindak balas kognitif dan afektif, semakin rendah niat penonton untuk menderma.

Jadual 2 : Perhubungan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah bagi kumpulan hiburan didik dan dokumentari

Kumpulan/ pemboleh ubah	Zero-Order Correlation	Partial <i>r</i> Correlation dengan mengawal faktor Pertikaian & Tindak balas
-------------------------	------------------------	---

<u>Hibur Didik</u>		
Hubungan Penghayatan – Niat	$r = .016$	$r = -.014$
Hubungan Pengenalpastian - Niat	$r = -.042$	$r = -.066$
<u>Dokumentari</u>		
Hubungan Penghayatan – Niat	$r = .380^{**}$	$r = .331^*$
Hubungan Pengenalpastian - Niat	$r = .459^{**}$	$r = .410^*$

Signifikan pada aras * $p < .05$, ** $p < .001$

Jadual 2 menunjukkan perhubungan di antara penghayatan dan niat untuk menderma organ di dalam kumpulan Hibur Didik dan Dokumentari. Hipotesis empat (a) diuji menggunakan *Pearson r* bagi melihat perhubungan di antara penghayatan dan niat bagi kedua-dua kumpulan kajian. Bagi kumpulan Hibur Didik, tidak terdapat nilai hubungan yang signifikan ($r = .016$, $p = .884$) antara penghayatan dan niat untuk menderma di dalam kumpulan Hibur Didik. Sementara Kumpulan Dokumentari pula, nilai korelasi yang diperolehi adalah berada di aras rendah ($r = .380$, $p = .000$) namun menunjukkan nilai yang signifikan. Dapatan ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara penghayatan dan niat untuk menderma.

Hasil kajian berikutnya diuji menggunakan analisis *partial correlation* untuk melihat perhubungan di antara dua pemboleh ubah dengan mengawal kesan daripada pemboleh ubah pengantara. Hasil analisis menunjukkan kesan yang rendah dan tidak signifikan daripada pemboleh ubah perantara iaitu pertikaian dan tindak balas ke atas hubungan antara penghayatan dan niat untuk menderma dalam kumpulan Hibur Didik. Keputusan analisis bagi Kumpulan Dokumentari pula menunjukkan kesan yang signifikan oleh pemboleh ubah perantara iaitu pertikaian dan tindak balas ($r = .331$, $p = .003$) terhadap hubungan antara penghayatan dan niat.

Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan di antara pengenalpastian dan niat untuk menderma organ di dalam kumpulan Hibur Didik berbanding Dokumentari. Bagi kumpulan Hibur Didik, nilai perhubungan yang diperolehi adalah sangat rendah ($r = -.042$, $p = .706$). Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan di antara pengenalpastian dan niat untuk menderma di dalam kumpulan ini. Sementara bagi Kumpulan Dokumentari pula, terdapat hubungan yang signifikan antara pengenalpastian dan niat ($r = .459$, $p = .000$).

Hasil kajian berdasarkan Jadual 2 menunjukkan kesan faktor pertikaian dan tindak balas terhadap hubungan antara pengenalpastian dan niat untuk menderma adalah sangat rendah dan tidak signifikan. Analisis ini tidak menyokong hasil kajian. Kumpulan Dokumentari pula menunjukkan bahawa terdapat kesan faktor pengantara pertikaian dan tindak balas yang rendah ($r = .410$, $p = .000$) walaupun signifikan.

Seterusnya kajian ini juga ingin mengenalpasti faktor yang menyumbang kepada niat untuk menderma organ. Oleh yang demikian, satu analisa *Multiple Regression* dijalankan bagi membandingkan model regresi antara kumpulan hiburan didik dan dokumentari. Hasil kajian dirumuskan dalam Jadual 3.

Jadual 3 : Analisa *Multiple Regression* bagi faktor-faktor penyumbang kepada niat untuk menderma organ bagi kumpulan hiburan didik dan dokumentari

Faktor penyumbang (N= 164)	Kumpulan Hibur Didik (n=82)	Kumpulan Dokumentari (n=82)
	β (p)	β (p)
Penghayatan	.035 (.807)	.138 (.325)
Pengenalpastian	-.091 (.539)	.353 (.013)
Pertikaian	-.053 (.662)	.184 (.088)
Tindak balas	-.083 (.507)	-.145(.203)
R^2	.015	.256
<i>Adjusted R</i> ²	-.037	.217
<i>F</i>	.284	6.61
<i>Sig.</i>	.887	.000

Signifikan pada aras * $p < .05$, *** $p < .001$

Jadual 3 menunjukkan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang menjangkakan niat untuk menderma organ bagi Kumpulan Hibur Didik dan Dokumentari. Bagi Kumpulan Hibur Didik, tiada pemboleh ubah yang menjangkakan niat untuk menderma organ dan hanya 1.5% varians keseluruhan niat untuk menderma dapat dikenalpasti. Apabila nilai R^2 diselaraskan, peratusan varians menjadi negatif (-3.7%) dan ini menunjukkan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang diuji dalam model regresi bagi Kumpulan Hibur Didik bukan penyumbang kepada niat untuk menderma organ. Bagi Kumpulan Dokumentari, terdapat satu pemboleh ubah yang menjangkakan (predict) niat untuk menderma organ iaitu pengenalpastian ($\beta = .353, p = .013$). Model regresi bagi Kumpulan Dokumentari adalah signifikan ($F = 6.61, p = .000$) dan menerangkan sebanyak 21.7% varians (setelah diselaraskan) kepada keseluruhan perubahan niat untuk menderma organ. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan pendedahan kepada Dokumentari lebih berkesan dalam membentuk perubahan niat untuk menderma organ.

Hasil kajian yang terakhir dalam Jadual 4, adalah untuk melihat perubahan yang berlaku dari segi niat peserta untuk menderma organ mengikut masa dalam kajian yang dilakukan. Bagi Kumpulan Hibur Didik, dapatan kajian menunjukkan bahawa perbezaan dari segi niat untuk menderma organ antara masa 1, 2, dan 3, $F(2, 56) = 20.607, p < 0.00$. Berdasarkan nilai min yang diperolehi, peserta kurang mempunyai niat untuk menderma organ sebelum eksperimen ($M = 3.26, SP = 0.99$). Tahap niat mula meningkat selepas eksperimen ($M = 3.83, SP = 0.85$) dan semakin menurun selepas susulan eksperimen dijalankan ($M = 2.72, SP = 1.85$). Ujian Post-Hoc dilakukan bagi melihat perbezaan antara ketiga-tiga masa kajian. Perbezaan yang signifikan ada antara Masa 1 dan 2 ($p < .000$), Masa 1 dan

3 ($p < .040$) dan Masa 2 dan 3 ($p < .000$). Oleh itu, ketiga-tiga masa menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan bagi setiap masa.

Jadual 4: Nilai Min bagi niat atau keinginan untuk menderma organ mengikut masa bagi kumpulan hibur didik

Masa	Min	Sisihan Piawai	F	p
Sebelum	3.26	.99	20.607	.000
Selepas	3.83			
Susulan	2.72	1.85		

Signifikan pada aras * $p < .05$, ** $p < .001$

Bagi Kumpulan Dokumentari pula, dapatan kajian dalam Jadual 6 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dari segi niat untuk menderma organ antara masa 1, 2, dan 3, $F(2, 53) = 27.138$, $p < 0.00$. Berdasarkan nilai min yang diperolehi, peserta kurang mempunyai niat untuk menderma organ sebelum eksperimen ($M=3.29, SP=0.92$). Tahap niat mula meningkat selepas eksperimen ($M=3.78, SP= 0.78$) dan semakin menurun selepas susulan eksperimen dijalankan ($M= 2.80, SP= 2.04$). Sementara Ujian Post-Hoc dilakukan bagi melihat perbezaan antara ketiga-tiga masa kajian. Perbezaan yang signifikan ada antara Masa 1 dan 2 ($p < .000$), Masa 1 dan 3 ($p < .063$) dan Masa 2 dan 3 ($p < .000$). Oleh itu, masa 1 dan 2 dan masa 2 dan 3 menunjukkan perbezaan yang signifikan dan hanya masa 1 dan 3 menunjukkan perbezaan yang tidak signifikan.

Jadual 5: Nilai Min bagi niat atau keinginan untuk menderma organ mengikut masa bagi kumpulan dokumentari

Masa	Min	Sisihan Piawai	F	p
Sebelum	3.29	.92	27.138	.000
Selepas	3.78	.78		
Susulan	2.80	2.04		

Signifikan pada aras * $p < .05$, * $p < .001$**

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan dokumentari didapati mencatat keputusan yang lebih baik dalam membentuk perubahan niat untuk menderma organ. Bagaimanapun, dapatan kajian ini berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Moyer-Guse dan Nabi (2010), di mana mereka mendapati kumpulan hibur didik lebih baik dan berkesan dalam

mempengaruhi niat penonton untuk mengubah tingkah laku.

Hasil kajian juga membuktikan bahawa terdapat persamaan dan perbezaan dalam proses pemujukan antara drama hiburan didik dan dokumentari. Dari segi persamaan, didapati kedua-dua pemboleh ubah bebas iaitu penghayatan dan pengenalpastian mempengaruhi tahap tindak balas dan pertikaian dalam kedua-dua kumpulan ini. Persamaan ini menunjukkan semakin mendalam penghayatan dan pengenalpastian watak, semakin rendah tahap tindakbalas kognitif dan pertikaian mesej yang berlaku dalam kalangan peserta kedua-dua kumpulan.

Dari segi perbezaannya, didapati kesan yang signifikan oleh pemboleh ubah perantara iaitu tindak balas dan pertikaian dalam hubungan antara pengenalpastian dan penghayatan dengan niat untuk menderma organ di dalam kumpulan dokumentari. Namun, pemboleh ubah perantara didapati tidak memberi kesan yang signifikan dalam perhubungan antara pengenalpastian dan penghayatan dengan niat menderma organ di dalam kumpulan hiburan didik. Dapatan kajian ini menyokong ELM yang menyatakan bahawa mesej pemujukan yang bersifat fakta dan bermaklumat akan dianalisa oleh penerima mesej secara *Central Route*. Melalui *central route*, penerima akan cuba menganalisa mesej tersebut dengan berhati-hati di samping cuba mempertikaikan mesej tersebut. Mesej yang dianalisa secara *Central Route* didapati lebih mendatangkan kesan yang lebih baik dari segi perubahan sosial.

Dapatan kajian juga membuktikan mesej yang diterima melalui drama hiburan didik diproses secara *peripheral route*. Tahap penghayatan serta pengenalpastian watak yang tinggi dalam kumpulan hiburan didik menyebabkan peserta dalam kumpulan ini kurang cenderung untuk cuba mengkritik atau mempertikaikan cerita yang disampaikan dalam drama hiburan didik ini. Mereka sebaliknya terus asyik dan tenggelam dalam cerita yang dihayati dengan sepenuhnya, tanpa cuba mempertikaikan mesej pemujukan yang disampaikan.

Secara kesimpulannya, hasil kajian ini dapat menunjukkan terdapat persamaan dan perbezaan di antara kedua-dua kumpulan di dalam proses pemujukan. Namun, secara dasarnya hasil dapatan tidak menyokong pendapat yang menyatakan strategi hiburan didik lebih memberi kesan pemujukan yang efektif berbanding dokumentari. Kajian ini sebaliknya mengetengahkan kebarangkalian strategi mendidik yang tidak mempunyai unsur hiburan turut menunjukkan kesan yang positif untuk mempengaruhi audien di Malaysia.

Cadangan untuk kajian akan datang

Kajian ini mencadangkan penyelidikan pada masa akan datang perlu mengkaji lebih banyak isu mengenai pendermaan organ yang dimainkan oleh media sama ada cetak atau elektronik. Oleh yang demikian, antara cadangan penyelidikan pada masa hadapan adalah seperti mengkaji faktor-faktor lain seperti tindak balas yang menjadi keutamaan halangan dalam proses pemujukan untuk mempengaruhi penonton. Kajian ini telah mengkaji faktor-faktor asas yang menjadi halangan. Kajian pada masa akan datang harus mengkaji dengan mendalam faktor yang menjadi halangan di dalam proses pemujukan.

Kaedah kualitatif juga boleh digunakan mendalam peserta atau penderma organ itu sendiri. Antara kaedah kualitatif yang disarankan adalah seperti fenomenologi, temubual mendalam dan kumpulan fokus. Ini adalah kerana kaedah-kaedah tersebut dapat mendekati masalah psikologi, sosial dan budaya yang wujud yang menghalang masyarakat untuk menderma organ.

Kajian ini menggunakan ujian statistik bivariate dalam menguji hipotesis kajian. Disarankan bagi kajian akan datang agar menggunakan ujian statistik yang lebih tinggi seperti regression dan analisa multivariate bagi mendapatkan keputusan yang lebih komprehensif dan tepat. Ini adalah kerana ujian-ujian yang bersifat multivariate mengambilkira kesan utama dan kesan interaksi antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji.

Hasil dapatan data menunjukkan keberkesanan pendekatan dokumentari dalam proses pemujukan bagi kes pendermaan organ ini. Oleh yang demikian, pihak media massa juga disarankan agar memperbanyakkan program dokumentari yang menarik bagi menampung kekurangan program sebegini di negara Malaysia. Kajian ini telah membuktikan kesan pemujukan dalam video dokumentari lebih berkesan daripada drama hiburan didik.

BIODATA PENULIS

Suraini Ghazali adalah pelajar sarjana di Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia. Bidang penyelidikan beliau termasuk komunikasi kesihatan dan pemasaran sosial.

Dr. Hasrina Mustafa adalah pensyarah kanan di Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia. Beliau memegang ijazah B.Hsc. Komunikasi (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), M.A. Komunikasi (Universiti Sains Malaysia); PhD Komunikasi Massa (Universiti Putra Malaysia). Bidang penyelidikan beliau termasuk pemasaran sosial, komunikasi kesihatan, komunikasi pemasaran bersepadu dan komunikasi keluarga.

Bahiyah Omar adalah pensyarah kanan di Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia. Beliau memegang ijazah B.Hsc. Komunikasi (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), M.A. Teknologi Komunikasi (Universiti Putra Malaysia); PhD Komunikasi (Universiti Monash, Australia). Bidang penyelidikan beliau termasuk media baru, kewartawanan online dan kajian kesan media.

RUJUKAN

- Ashuri, T. (2007). Television tension: national versus cosmopolitan memory in a co-produced television documentary. *Media Culture Society*, 29: 31-51.
- Baxter, L. A. & Babbie, E. R. (2004). *The basic of communication research*. USA: Wadsworth, Belmont.
- Berita Harian (2009, 29 April). Melayu paling ramai derma sel stem. Diakses dari <http://www.agiftoflife.gov.my/pdf/news-20081219.pdf>.
- Booth-Butterfield, S. & Welbourne, J. (2002). Its impact on persuasion theory and research. In Dillard, J. P. & Pfau, M. (2002). *The persuasion handbook: Developments in theory and practice*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Braun, K. L & Nichols, R. (1997). Death and dying in four Asian American cultures: A descriptive study. *Death Studies*, 21: 327-359.
- Bryant, J & Oliver, M. B. (2009). *Media effects, Advances in theory and research*. (3rd edn). New York: Rouledge.
- Brodie, M., Foehr, U., Rideout, V., Baer, N., Miller, C., Flournoy, R., & Altman, S. (2001). Communicating health information through the entertainment media: A study of the television drama ER lends support to the notion that Americans pick up information while being entertained. *Health Affairs*, 20: 192-199.
- Cohen, J (2001). Defining identification: a theoretical look at the identification of audiences with media characters. *Mass Communication & Society*, 4: 245-264.
- De Lisle, J. S., (2006). "Experiencing entertainment-education: the influence of transportation and identification on story-consistent beliefs and attitudes." Tesis Master, Pusat Pengajian Komunikasi, Washington State University.
- Dillard, J. P., & Shen, L. (2005) . On the nature of reactance and its role in persuasive health communication. *Communication Monographs*, 72:144-168.
- Gravetter, F. J.,& Forzano, Lor-Ann., (2006). *Research methods for the behavioural sciences*. (2nd edn). Belmont, CA: Wadsworth.
- Green, M. (2004). Transportation into narrative worlds: The role of prior knowledge and perceived realism. *Discourse Processes*, 38: 247-266.
- Green, M. C. (2006). Narratives and cancer communication. *Journal of Communication*, 56(1), 163-S183.
- Green, M. C.,& Brock, T.C (2000). The role of transportation in the persuasiveness of public narratives. *Journal of Personality and Social Psychology*, 79: 701-721.
- Hefner, D., Klimmt, C., & Vorderer, P., (2007). Identification with the Player Character as Determinant of Video Game Enjoyment. *International Federation for Information Processing*. 39-48.

- Kennedy, M. G., O'Leary, A., Beck, V., Pollard, K., & Simpson, P., (2004). Increases in calls the CDC National STD and AIDS hotline following AIDS-related episodes in a soap opera. *Journal of Communication*, 287-301.
- Keyton, J (2006). *Communication research: asking questions, finding answer*. (2nd edn). Boston: McGraw Hill.
- Lela Yasmin Mansor (2009). Pendermaan Organ Anugerah Kehidupan. *Visi*, 96: 7-12.
- Levine, S., (2007). Documentary film matters: The Steps for the Future media advocacy project in Southern Africa. *Critical Arts*, 21: 234-249.
- Malcolm, C., & David, C., (2008). Willingness to Participate in Organ Donation Among Black Seventh-Day Adventist College Students. *Journal Of American College Health*, 56: 691-698.
- Moyer-Guse, E. (2008). Toward a theory of entertainment persuasion: Explaining the persuasive effects of entertainment-education messages. *Communication Theory*, 18: 407-425.
- Moyer-Guse, E. & Nabi, R. L (2010). Explaining the narrative in an entertainment television program: overcoming resistance to persuasion. *Human Communication Research*. 36: 26-52.
- Movius, L, Cody, M., Huang, G, Berkowitz, M, & Morgan, S., (2007). Motivating Television Viewers to Become Organ Donors. *Journal of Communication*, 40: 384-408.
- Owens, R. D., (1987). Effects of age, education and attitudes on learning by older adults from a documentary programme. *Learning, Media and Technology*, 13: 95-113.
- Petty, R. E. & Cacioppo, J. T. (1986) *Communication and persuasion: Central and peripheral routes to attitude change*. New York: Springer-Verlag.
- Petty, R. E., & Wegener, D. T. (1999). The Elaboration Likelihood Model: Current Status and Controversies. In Chaiken, S., & Trope, Y. (eds.), *Dual Process Theories in Social Psychology*. New York: Guilford Press.
- Singhal, A & Rogers, E.M (1999). *Entertainment-education : A Communication Strategy for Social Change*. Lawrence Erlbaum Associates, Mahwah: NJ. In Chen, N et al (2009). BodyLove: The Impact of Targeted Radio Educational Entertainment on Health Knowledge, Attitudes and Behaviour among African-Americans. *Cases In Public Communication & Marketing*, 3: 92-113.
- Singhal, A. & Rogers, E. M. (2003). *Combating Aids: Communication Strategies in Action*. New Delhi: Sage
- Singhal, A. & Lacayo, V (2008). *Pop Culture with a purpose: Using edutainment media for social change*. Netherlands: Oxfam Novid Publication.
- Slater, M. D., & Rouner, D. (1997). *The processing of narrative fiction containing persuasive*

- content about alcohol use: Effects of gender and outcome.* Paper presented to the International Communication Association, Montreal, Canada.
- Slater, M. D., & Rouner, D. (2002). Entertainment-education and elaboration likelihood: Understanding the processing of narrative persuasion. *Communication Theory, 11*: 173-191.
- Sotirovic , M., (2003). How individuals explains social problems: the influences of media use. *International Communication Association, 122-137.*
- Tabachnick, B. G., & Fidell, L. S. (2001). *Using Multivariate Statistics.* (4th edn). New York: HarperCollins.
- Tabachnick, B. G., & Fidell, L. S. (2007). *Experimental Designs Using ANOVA.* Belmont, CA: Duxbury.
- Wollheim, R. (1974). Identification and imagination. In *Freud: A collection of critical essays.* Edited by R. Wollheim, 172–195. New York: Anchor/Doubleday